



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

23 Februari 2021
14 Rejab 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Persoal tindakan teruskan PSR
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Now	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Free Malaysia Today	•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		25
							23/12/2021

Persoal tindakan teruskan PSR

SH M/S 25 23/12/2021

Proses rayuan nelayan masih di peringkat Lembaga Rayuan JAS

Oleh SYAIARATULHUDA MOHD ROSLI

GEORGETOWN

Persatuan Nelayan Pulau Pinang (Pen Mutiara) mempersoalkan tindakan kerajaan negeri yang akan menamatkan Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR).

Pengerusi Pen Mutiara, Mahadi Md Rodzi berkata, projek itu tidak sepatutnya diteruskan kerana proses rayuan pihak nelayan masih berjalan di peringkat Lembaga Rayuan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Tambahnya, PSR sedang berdepan dengan prosedur undang-undang susulan pihaknya mengemukakan rayuan terhadap keputusan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) oleh Ketua

Pengarah Alam Sekitar.

"Kita sudah mendapat jawapan daripada Lembaga Rayuan JAS berhubung perkara ini yang memaklumkan satu jawatankuasa sudah dibentuk bagi menilai rayuan tersebut."

"Berdasarkan surat itu, kes rayuan nelayan akan didengar di Putrajaya pada 23, 25 dan 26 Mac ini."

"Oleh itu, adalah mustahil untuk projek PSR boleh dimulakan pada hujung Mac atau awal April ini," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* baru-baru ini.

Pada Julai 2019, 185 nelayan dari Sungai Batu menulis bantahan berhubung PSR kepada JAS yang kemudiannya difailkan menerusi firma guaman pada Ogos tahun lalu.

Kes itu masih di peringkat Lembaga Rayuan JAS dan belum diperolehi keputusannya.

Dalam pada itu, Mahadi turut mempersoalkan sama ada kerajaan negeri ingin mencabar keputusan Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man yang menegaskan bahawa projek tersebut



Nelayan di selatan Pulau Pinang membantah projek PSR kerana ia akan memberi kesan kepada kehidupan mereka.

tidak boleh dimulakan selagi isu berkaitan EIA tidak diselesaikan.

"Sepatutnya kerajaan negeri dan pihak pemaju lebih tahu mengenai peruntukan undang-undang."

"Adakah dengan tindakan mereka ini menunjukkan kerajaan negeri mahu mencabar apa yang diputuskan oleh Menteri dalam isu ini?"

"Seperti apa yang diyakinkan oleh peguam kami, jika projek itu diteruskan juga pada Mac atau April ini, maka kerajaan negeri sudah melanggar undang-undang," katanya.

Mengulas mengenai pengumuman kerja menambak oleh kerajaan negeri, Mahadi berkata, tindakan itu dilihat kerajaan negeri berada dalam keadaan terdesak dalam mempengaruhi dan meyakinkan kelompok nelayan tertentu supaya menerima sugu hati yang ditawarkan.

"Majoriti nelayan di kawasan terlibat menolak pampasan yang ditawarkan kerana dilihat tidak seimpat dengan taraf projek mega PSR selain kesan jangka masa panjang terhadap kehidupan nelayan," katanya.

Beliau juga berharap agar tiada pihak luar menguruskan de-

ngan para nelayan berhubung isu tersebut sebaliknya merujuk kepada persatuan nelayan bagi mengelakkan kekeliruan selain memastikan kebajikan nelayan terbela.

Sebelum ini, kerajaan negeri mengumumkan kerja tambakan laut untuk PSR akan bermula antara hujung Mac hingga awal April ini selepas kelulusan Laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) dari JAS diperolehi.

Kerja penambakan itu akan bermula secara berperingkat dengan Fasa 1 di Pulau A terlebih dahulu.

Kadar tambakan terkawal dijangka akan dijalankan pada keluasan 10.1 hektar sebulan yang mana, ia mengambil masa tujuh tahun iaitu sehingga 2027 untuk disiapkan.

Kerajaan negeri sudah menyerahkan EMP kepada JAS untuk kelulusan pada Januari lalu.

Mengikut prosedur operasi standard (SOP), ia mengambil masa maksimum 90 hari untuk kelulusan diberikan.

Kerja penambakan itu melibatkan tiga pulau dan ia akan buat secara berperingkat iaitu di Pulau A dahulu dengan keluasan 960 hektar



MAHADI